



PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE 4 BIL 4/2021

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) OPERASI MASJID UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI SELURUH NEGARA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

1. Merujuk kepada Surat Pemakluman Pelaksanaan Garis Panduan/ Prosedur Operasi Standard (SOP) Baharu bagi Aktiviti Ibadat di Masjid, Surau Kebenaran Jumaat & Surau dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di negeri Pahang Darul Makmur, Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) telah membuat ketetapan berkenaan Garis Panduan Aktiviti dan Pengimarahannya Masjid di Negeri Pahang bermula **30 Jun 2021**.
2. Untuk makluman, Masjid UMP Kampus Gambang dan Pekan **berstatus Surau yang diberi kebenaran untuk Solat Jumaat**. Permohonan penambahan jumlah Jemaah agar dapat menampung kapasiti Jemaah di Masjid UMP adalah dalam proses. Sehubungan dengan itu, Unit Pengurusan Masjid, Pusat Islam & Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Pahang menggunakan Prosedur Operasi Standard (SOP) seperti ketetapan berikut:

I. Pelaksanaan Solat Jumaat

- Bagi Pelaksanaan Solat Jumaat di **Masjid UMP Kampus Gambang & UMP Pekan** adalah **DIBENARKAN** tetapi terhad kepada **12 orang Jemaah** melalui kaedah **Jemputan Terhad** atau "**Limited Invitation Basis**"
- Hanya Jemaah yang berada dalam kariah / lokaliti UMP Kampus Gambang & Pekan sahaja dibenarkan bersolat di Masjid UMP. Bagi Staf atau pelajar yang tinggal diluar daripada kawasan UMP tidak dibenarkan untuk hadir Solat Jumaat di Masjid UMP.
- Pelaksanaan Solat Jumaat dengan dilengkapi khutbah dan kemudian diikuti dengan Solat Zohor secara berjemaah sejeurus selepas itu.

- II. **Pelaksanaan Solat Fardhu Berjemaah**
 - Pelaksanaan Solat Fardhu Berjemaah di **Masjid UMP Kampus Gambang dan Pekan DIBENARKAN** seramai **12 Orang** dengan menggunakan kaedah ***Jemputan Terhad*** atau ***“Limited Invitation Basis”***

 - III. Sebarang **Kelas Pengajian, Kuliah Agama & Halaqah ilmu secara bersemuka** adalah **tidak dibenarkan** sama sekali didalam dalam masjid sepanjang tempoh PKP ini dilaksanakan.

 - IV. Jemaah yang berumur **kurang 12 tahun** dan Individu yang bukan warga UMP adalah tidak dibenarkan untuk hadir berjemaah di masjid.

 - V. Para Jemaah dikehendaki untuk **mematuhi Amalan Norma Baharu** ketika hadir ke masjid seperti berikut:
 - Membawa Sejadah bersaiz besar ketika hadir ke masjid.
 - Mengimbas Suhu & Catatkan Kehadiran melalui Aplikasi MySejahtera.
 - Sentiasa mamakai pelitup separuh muka ketika berada dalam masjid.
 - Tidak bersembang dengan jarak yang dekat dan elakkan perkumpulan ketika berada dalam masjid.
 - Sentiasa mematuhi Amalan Penjarakan Fizikal ketika berada dalam kawasan masjid.

 - VI. Para Jemaah **yang bergejala** dan **mempunyai kontak rapat** sama ada dengan pesakit Covid-19 ataupun mereka yang **datang dari zon merah** adalah **DILARANG** daripada menghadiri sebarang aktiviti di masjid dan diwajibkan untuk kuarantin sendiri bagi mengelakkan penularan dalam kalangan jemaah Masjid.

 - VII. Para Jemaah hendaklah sentiasa mematuhi nasihat & arahan daripada urusetia masjid bagi melicinkan pengurusan pematuhan SOP di Masjid UMP demi kebaikan bersama Insya Allah.
3. Sebarang pertanyaan sila hubungi Pegawai Pusat Islam & Pembangunan Insan di talian 019-9071543 (Ustaz Md Abdu bin Sahak).

Sekian untuk makluman.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID 19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



PROFESOR. MADYA DR. RASHIDI BIN ABBAS

Pengarah

Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN)

Tarikh: 30 Jun 2021

s.k Pengarah PKU
Bahagian Keselamatan

#StaySafe

#StayStrong

#StayAtHome

#AmalkanPenjarakanSosial

#KitaJagaKita